

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU PENERBITAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Penerbitan Gred N19, N22, N26, N28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)/ Agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

3. RINGKASAN TUGAS

Membantu dalam tugas-tugas penerbitan, penyuntingan laman web (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris), percetakan keperluan pembangunan dan latihan staf.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.2 Pembantu Penerbitan Gred N19, N22, N26, N28

- a. Membantu mendokumentasi, menyelenggarakan dan menerbitkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dijalankan.
- b. Membantu menyediakan kemudahan menyimpan, memulihara dan menyalin dokumen dan hasil penyelidikan.
- c. Membantu dalam pengurusan perolehan dan penyemakan inventori bahan-bahan penerbitan dan hasil penyelidikan.
- d. Membantu dalam penyediaan bahan-bahan untuk kandungan laman web Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- e. Membantu dalam perancangan, pengurusan dan pengawasan urusan penerbitan dan percetakan dalaman dan luaran.
- f. Memastikan keselamatan dan penyimpanan bahan-bahan penerbitan (perlindungan insurans, pengawasan rapi atau disimpan dalam peti kebal kalis api).

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Bahagian dalam MIROS.

Luaran

- a. Jemaah kabinet mengenai keselamatan jalan raya.
- b. Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- c. Kementerian/ Jabatan di peringkat persekutuan dan negeri dalam bidang berkaitan keselamatan jalan raya (contoh: Perbadanan Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, PUSPAKOM, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan LKPK).
- d. Pertubuhan/Persatuan dalam dan luar negara (contoh: Global Road Safety Partnership (GRSP), Global Transport Knowledge (GTKP), Transport Research Laboratory (TRL), UK, John Hopkins University, US Road Traffic Injuries Research Network (RTIRN), International Road Assessment Program (IRAP), Monash University Accident Research (MUARCH), Australia, Center for Automotive Safety Research, Adelaide, World Road Association (PIARSC), Perancis, PIARSC Technical Committee, Perancis, Institute of Highway Transportation, SWOV Institute of Road Safety, Holland, Swedish National Road and Transport Research Institute (VTI), Sweden dan sebagainya).
- e. *Stakeholders* dan rakan kongsi dalam agenda keselamatan jalan raya.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- b. Keujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- c. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- d. Berkebolehan menguruskan sumber di bawah kawalan.
- e. Mempunyai kemahiran *interpersonal*.
- f. Berkebolehan menguruskan konflik dan menyelesaikan masalah.
- g. Berkebolehan membuat penyampaian dengan berkesan kepada individu dan kumpulan.
- h. Berkebolehan berfikir secara strategik.
- i. Berkebolehan menjalankan penyelidikan, menulis laporan, penulisan teknikal dan menyediakan kertas kerja.
- j. Berkebolehan membuat keputusan dengan berkesan.
- k. Pemindahan teknologi untuk pengoperasian dan pengkomersilan.
- l. Berkebolehan dalam aplikasi teknologi.
- m. Berkebolehan mentafsir dan menganalisa.
- n. Berkemahiran dalam bidang komputer.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berupaya untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai positif dan menunjukkan integriti yang tinggi.
- b. Mempunyai daya ketrampilan diri yang tinggi.
- c. Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan.
- d. Profesionalisme.
- e. Kualiti.
- f. Kompetensi dan ketelitian.
- g. Bertanggungjawab.
- h. Kerahsiaan.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Tekanan.
- b. Risiko terdedah kepada bahaya kemalangan ketika menjalankan kajian lapangan.
- c. Percanggahan kepentingan.
- d. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- e. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.